



COSMIC HEALTH RESTORE SDN BHD (848966-W)

(Formerly known as COSMIC NATURE HEALTHCARE SDN BHD)

Energize your life !

Wisma Cosmic

NO. 2A Jalan Rampai Niaga 1, Rampai Business Park,
Taman Sri Rampai, 53300 Setapak, Kuala Lumpur, Malaysia.

Website: www.cosmicnature.com

Email : enquiry@cosmicnature.com

Tel: 03-4143 3840

Fax: 03-4143 3841

Pure Green



Gabungan HIJAU terbaik yang terdiri daripada **Klorofil, Spirulina dan Pudina** di mana ia membantu badan kita untuk mengekalkan tahap kealkalian yang optimum.

Pure Green memberikan banyak manfaat kepada badan:

Meningkatkan tahap tenaga, memantapkan fungsi imunisasi serta menyahtoksik hati.

Apa itu Klorofil?

Klorofil adalah pigmen hijau yang boleh dijumpai di kebanyakan sayur-sayuran.

Pigmen tersebut menyerap cahaya matahari melalui proses fotosintesis. Alam tumbuhan membolehkan manusia memanfaatkan tenaga daripada matahari.

Molekul klorofil dalam tumbuh-tumbuhan selalu dibandingkan dengan molekul hemoglobin di dalam darah kita.

Besi merupakan atom pusat di dalam darah kita manakala atom pusat untuk klorofil pula ialah magnesium. Dr.Richard Willstatter telah mengumumkan pada tahun 1913 bahawa kepentingan klorofil terhadap tumbuhan adalah setaraf seperti kepentingan darah terhadap manusia.

Faedah-faedah yang dibawa oleh Klorofil

Terdapat pepatah yang mengatakan “Hijau di dalam, bersih di dalam.”

Untuk Darah:

- ❖ Meningkatkan bilangan sel-sel darah merah, mengurangkan peluang untuk mengidap penyakit anemia, memperkayakan darah.
- ❖ Membuang bahan-bahan toksin(logam-logam berat, BPCs) dan memelihara otot-otot.
- ❖ Memelihara sum-sum tulang.

Untuk Lapisan Membran Usus dan Mukus:

- ❖ Menghilangkan bau-bau yang tidak menyenangkan, mengawal pertumbuhan bakteria yang menyebabkan bau busuk pada badan, membersihkan bau nafas dan juga mulut.
- ❖ Mengurangkan peluang berlakunya perut kembung, angin, sakit tekak dan juga resdung.
- ❖ Membantu mempercepatkan proses penyembuhan badan.
- ❖ Melegakan kesakitan yang disebabkan oleh radang.
- ❖ Sesuai untuk tujuan berkumur selepas sebarang rawatan pergigian.
- ❖ Membantu pembuangan nikotin dari badan semasa berhenti tabiat merokok.
- ❖ Melindungi lapisan usus daripada serangan bakteria.

Untuk Hati dan Kelenjar-kelenjar:

- ❖ Menyahtoksik hati supaya ia sentiasa sihat dan bersih.
- ❖ Membantu dalam Hiper dan Hipoglisemia.
- ❖ Membantu menyelaraskan haid, merangsang penghasilan susu ibu semasa penyusuan dan meningkatkan kandungan besi dalam susu ibu.

Secara keseluruhannya:

- ❖ Parasit-parasit sukar untuk hidup di dalam persekitaran usus yang bersih.
- ❖ Membantu dalam sistem pernafasan, kalis terhadap alergi serta mengurangkan serangan asma.
- ❖ Meningkatkan daya ketahanan terhadap bakteria dan punca-punca pencemaran
- ❖ Membantu dalam melegakan keletihan, tekanan, anemia, penghadaman dan usus yang lemah.

Apa itu Spirulina?

Spirulina merupakan sejenis tumbuhan mikro air masin yang 100% asli dan berkhasiat. Alga yang berbentuk spiral ini merupakan sumber makanan yang kaya. Sejak dari dulu lagi (abad) alga ini sudah menjadi sumber makanan utama untuk kebanyakan komuniti. Sejak dari tahun 1970 lagi Spirulina sudah dikenali ramai dan digunakan secara meluas sebagai bahan suplemen. Spirulina kaya dengan protein sayur-sayuran(60~63% , 3~4 kali lebih tinggi dari ikan atau daging lembu), pelbagai jenis vitamin(kandungan Vitamin B12 adalah 3~4 kali lebih tinggi dari hati haiwan) yang boleh memenuhi keperluan badan terhadap nutrisi-nutrisi terutama untuk mereka yang mengamalkan pemakanan vegetarian. Selain itu, ia juga kaya dengan pelbagai jenis mineral (termasuk besi, kalium, magnesium, natrium, fosforus, kalsium dan sebagainya), beta-karotena yang berfungsi melindungi sel-sel badan (5 kali lebih daripada lobak merah , 40 kali lebih daripada bayam), dan juga asid gama linoleik (berfungsi menurunkan paras kolesterol dan mencegah penyakit jantung).

Manfaat kesihatan spirulina

- ❖ Meningkatkan sistem imunisasi
- ❖ Meningkatkan daya penghadaman
- ❖ Mengurangkan keletihan
- ❖ Membina daya tahan
- ❖ Penyahtoksik semula jadi
- ❖ Meningkatkan tahap tenaga
- ❖ Mengawal selera makan
- ❖ Memelihara fungsi kardiovaskular
- ❖ Memperkuatkan hati dan buah pinggang
- ❖ Mengurangkan keradangan
- ❖ Memanfaatkan golongan yang mengalami alahan

Protein dalam Spirulina

Selaku protein suplemen spirulina memiliki kelebihan yang berbeza daripada lain-lain bentuk bekalan makanan tambahan. Disebabkan oleh peranan protein yang amat penting dalam badan manusia, maka ia sering dianggap sebagai tapak pembangunan kehidupan.

Protein merupakan molekul yang kompleks di mana ia terdiri daripada banyak rantai asid amino dan sudah lama dikenali dengan fungsi mereka dalam membentuk dan membaikpulih struktur-struktur seperti otot dan tulang. Malah, ia juga memiliki banyak fungsi yang penting seperti pengurusan insulin, pertumbuhan semula sistem imunisasi, pengangkutan mineral-mineral dan anti-hipertensi.

Protein terdiri daripada 22 jenis asid amino. Sembilan daripadanya adalah asid amino perlu di mana badan tidak boleh menghasilkannya. Maka ia harus diperolehi daripada pemakanan. Asid amino tidak perlu juga penting untuk badan tetapi badan boleh menghasilkannya dengan sendiri. Asid amino perlu berserta dengan nitrogen yang mencukupi dalam makanan diperlukan bagi mensintesis asid-asid amino tidak perlu.

Kualiti protein bergantung kepada bilangan asid amino yang terkandung dalam sesuatu protein. Kualiti protein semakin tinggi jika kandungan asid amino dalamnya cenderung kepada keperluan badan. Spirulina dikenali sebagai “protein lengkap” disebabkan ia memiliki kesemua asid-asid amino perlu. Ini bermakna kita boleh memperolehi protein-protein yang diperlukan oleh badan dengan senang dan tidak membebankan sistem pencernaan badan kita berbanding dengan pengambilan protein daripada produk-produk haiwan .

Protein mudah hadam berbeza dengan lain-lain bentuk protein. Spirulina yang mengandungi mukopolisakarida dan tiada selulosa pada dinding selnya menyebabkannya mudah diserap dan dicerna oleh badan. Sebanyak 85%~95% daripada protein dalam Spirulina diserap serta-merta oleh badan dan ini merupakan peratusan yang tertinggi yang boleh didapati. Dalam konteks bilangan protein yang boleh digunakan oleh badan, Spirulina berkedudukan di tempat kedua di belakang produk suplemen telur, tetapi lebih tinggi berbanding dengan makanan lain yang biasa dijumpai.

Protein mudah hadam adalah penting untuk kebanyakan orang terutama bagi golongan yang mengalami masalah pencernaan seperti orang tua. Mereka mendapati Spirulina merupakan sumber protein yang bagus dan mudah diserap oleh badan. Spirulina merupakan sejenis suplemen yang berkesan untuk penghidap penyakit malnutrisi. Kepada kanak-kanak yang kekurangan zat makanan, kesannya lebih ketara berbanding dengan tepung susu disebabkan oleh asid laktik yang sukar untuk diserap oleh badan.



Faedah kesihatan Pudina

Pencernaan : Pudina merupakan pembuka selera yang bagus dan menggalakan pencernaan disebabkan oleh aromanya yang khas. Ia juga melegakan senak perut, keradangan dan sebagainya. Aroma pudina ini mengaktifkan kelenjar air liur dalam mulut kita dan juga mengaktifkan kelenjar yang merembeskan enzim-enzim pencernaan untuk memudahkan proses penghadaman. Oleh itu, ia digunakan dengan meluas dalam masakan harian.

Penjagaan gigi dan mulut: Ini merupakan kegunaan pudina yang dikenali umum. Ia bertindak sebagai agen pembasmi kuman dan menyegarkan pernafasan. Ia menjaga kesihatan mulut dengan menghalang pertumbuhan bakteria berbahaya dalam mulut serta melalui pembersihan lidah dan gigi.

Barah : Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa enzim-enzim tertentu di dalam pudina mungkin membantu menyembuhkan barah.



PURE GREEN

Direka khas untuk kehidupan sihat